



# Julie's

SIARAN MEDIA

## JULIE'S MEMPERKENALKAN RANGKAIAN BISKUT BARUNYA CHARM YANG DIINSPIRASIKAN DARI PENCUCI MULUT LAZAT

**Julie's mempelawa anda untuk mencubai dan menikmati barisan biskut terbaru mereka.**

**Kuala Lumpur, 3 Mac 2023** – Julie's hari ini melancarkan rangkaian produk biskut baru, *Charm*, yang diinspirasikan dari pencuci mulut lazat - siri biskut pertama sebegini sejak penubuhannya. Biskut *Charm* yang diciptakan khas selama hampir lima tahun ini bertujuan untuk menyuntik rasa pencuci mulut yang popular dan klasik kedalam format biskut yang mudah dimakan. Rangkaian biskut baru ini boleh didapati dalam dua perisa yang lazat – *Double Chocolate* and *Tiramisu*.

Tzy Horng Sai, Pengarah *Julie's Biscuits* berkata, "Sejak penjenamaan semula syarikat pada tahun 2020, kami sentiasa mengambil pendekatan yang lain dari yang lain dalam memperkenalkan produk baru di pasaran. Jenama Julie's adalah sinonim dengan biskut yang berkualiti di kalangan pengguna. Dengan rangkaian biskut baru ini, kami bukan sahaja ingin memperkenalkan produk yang lazat dan berkualiti, tetapi juga mahu memberi inspirasi positif kepada pengguna. Idea di sebalik *Charm* adalah untuk mewujudkan produk yang orang ramai boleh nikmati sebagai cara memanjakan diri. Dengan produk ini, kami ingin mengingatkan pengguna untuk membenarkan diri untuk menikmati sesuatu seperti *Charm* sekali-sekala dalam kehidupan mereka sebagai salah satu cara "self-love". Kami berharap produk baru ini dengan dorongan untuk "self-love" dapat membawa impak positif dalam kehidupan pengguna."

Setiap biskut *Charm* diperbuat daripada bahan-bahan berkualiti yang dipilih dengan teliti selepas penyelidikan selama bertahun-tahun untuk memastikan rasa yang lazat dan berkualiti. *Double Chocolate* adalah biskut berperisa coklat gelap yang merupakan perisa popular kegemaran ramai. *Double Chocolate* mempunyai tekstur licin dan berkrim yang cair didalam mulut bila dimakan. Perisa *Tiramisu* pula lebih unik dan tidak biasa dijumpai dalam bentuk biskut, menjadikannya pilihan yang menarik untuk pengguna yang ingin mencuba sesuatu yang berbeza.

Rangkaian biskut *Charm* yang dipenuhi bahan-bahan lazat dibungkus dalam sebuah pek mudah-alih yang terdiri daripada lapan pek dua kepingan biskut. *Charm* direka untuk dinikmati sebagai snek persendirian, atau dipasangkan dengan kopi dan teh, atau juga boleh

digunakan sebagai bahan untuk membuat kek. Produk ini juga sesuai untuk dinikmati bila-bila masa sahaja dan boleh digunakan sebagai pengalas perut di sepanjang hari atau sebagai pencuci mulut yang memuaskan selepas memakan hidangan utama.

Untuk meraikan pelancaran biskut *Charm*, Julie's telah menganjurkan pengalaman eksklusif untuk pelanggan setianya di APW Bangsar pada hari Sabtu dan Ahad ini. Selaras dengan aspirasi produk *Charm*, acara eksklusif yang dipanggil sebagai *Me, Myself and Charm* ini akan membawa pengguna dalam perjalanan dimana mereka berpeluang untuk memanjakan diri melalui pelbagai aktiviti yang tersedia.

Para tetamu di acara ini akan berpeluang untuk memberi tumpuan kepada diri mereka sendiri dan menikmati aktiviti yang dirancang seperti mengambil bahagian dalam bengkel membuat lilin di *Charm Sensory Lab*. Lilin yang tersedia akan menampilkan aroma yang diilhamkan dari rangkaian biskut baru Julie's. Acara ini juga akan menampilkan pelbagai aktiviti lain yang menyeronokkan seperti peluang mengambil gambar pada dinding foto kreatif dan sampling makanan lazat yang dibuat menggunakan biskut *Charm*. Para tetamu juga dapat pulang dengan sebuah cenderahati sudu teh yang diukir khas untuk mereka.

Nikmatilah biskut Charm ini melalui pembelian dalam talian dari kedai rasmi Julie's di [Shopee](#) and [Lazada](#). Untuk membuat pembelian di kedai, kunjungilah kedai serbaneka atau pasar raya besar berdekatan anda. Untuk mendapat perkembangan terkini tentang promosi, peraduan dan aktiviti Julie's, lawati [laman web](#) kami atau ikuti kami di Facebook di [www.facebook.com/JuliesBiscuits](http://www.facebook.com/JuliesBiscuits) dan Instagram di [www.instagram.com/juliesbiscuits](http://www.instagram.com/juliesbiscuits).

**Untuk salinan lembut siaran media dan foto dari acara:**

Imbas kod QR di bawah.



**Mengenai Julie's Biscuits**

Julie's adalah jenama biskut pemenang anugerah yang dijual antarabangsa di 80 negara. Ditubuhkan di Melaka, Malaysia dan dipasarkan sebagai Julie's sejak 1985, jenama ini telah menjalani kempen penjenamaan semula tonggakannya pada tahun 2020. Julie, ikon yang berambut perang asli, telah diperbaharui untuk menarik minat pengguna masa kini. Julie kini menggayakan rambut 'bob' yang lebih pendek, cekak rambut berwarna merah dan biru dan melihat ke hadapan penuh dengan keyakinan, mencipta semula tarikannya dengan pengguna generasi baru. Untuk maklumat lanjut mengenai Julie's Biscuits, layari <https://www.julies.com.my/>

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

Wang Shu Fen, Bahagian Penjenamaan & Pemasaran  
Emel: [shufen@julies.com.my](mailto:shufen@julies.com.my) | Tel.bimbit: +6016-9654804

Giselle Lim, Bahagian Penjenamaan & Pemasaran  
Emel: [gisellelim@julies.com.my](mailto:gisellelim@julies.com.my) | Tel.bimbit: +60 16-322 2426